



**UPM, SPR jalin kerjasama perkasakan pendidikan pengundi (UNDI18)**



Berita Utama - 2

**UPM, YPNB anjur Ekspo Buku Malaysia 2022**



Fokus - 3

**Membudayakan Biokompos Dalam Masyarakat**



Expert Point of View - 6

## Chancellor attends UPMKB's first Convocation Ceremony

By: Dahlan Ismail Abu Bakar

**SERDANG, June 2** – The Chancellor of Universiti Putra Malaysia (UPM), His Majesty Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Idris Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, is set to depart for the 46th Universiti Putra Malaysia Convocation Ceremony, Session 1, at the Bintulu Campus (UPMKB), on November 1, 2022.

Last June, Tuanku Chancellor was pleased for the first session of the UPM convocation to be held at the Bintulu Campus, Sarawak. The convocation will be held for the first time at UPMKB since its establishment, involving 404 graduates from various fields and levels of study namely PhD, Bachelor and Diploma.


This convocation is the best initiative to bring UPMKB closer to the community. It will also be attended by parents of the graduates and the local community. Indirectly, it will increase the visibility of UPMKB as an institution of higher learning in Sarawak and become the first choice for prospective students.

UPM Convocation Ceremony Session 2 will be held in Serdang, Selangor, involving a total of 3504 graduates, starting on November 26, 2022, for seven days.

Previously, the Chairman of the University Board of Directors and UPM Top Management Members paid a courtesy visit to the office of the Premier of Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji

Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg, to present the proposal of organising the inaugural 46th Convocation Ceremony at UPMKB as well as extending an invitation to him to attend the ceremony. – UPM

“The convocation will be held for the first time at UPMKB since its establishment, involving 404 graduates from various fields and levels of study namely PhD, Master's, Bachelor and Diploma.”



DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah, The Chancellor of UPM

## UPM Vice-Chancellor boosts spirit of UPM researchers at MAHA 2022

By: Nurul Ezzaty Mohd Azhari & Nur Syamila Kamarul Arefin  
Photo: Mohamad Izrul Abdul Jabar



**SERDANG, August 6** – The Malaysia Agriculture, Horticulture and Agro-tourism Exhibition (MAHA) 2022 has witnessed the Universiti Putra Malaysia (UPM) booth receiving a very encouraging response from visitors to check out the exhibition of innovative products from UPM researchers.

UPM Vice-Chancellor, YH. Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman attended the MAHA 2022 Opening

Ceremony officiated by the Prime Minister, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), he said the public and his visits to the UPM booth boosted the spirit of UPM researchers.

UPM participated in MAHA 2022 by featuring 14 innovative products in three categories, namely livestock, crops and food technology.

## 12 UPM PALAPES receive awards from Sultan Sharafuddin Idris Shah

By: Nurul Ezzaty Mohd Azhari  
Photo: Noor Azreen Awang

**SEPANG, Sept 24** – Tuanku Chancellor of Universiti Putra Malaysia (UPM), Sultan Sharafuddin Idris Shah, is pleased to bestow twelve awards for the best cadet officers of the UPM Reserve Officer Training Unit (ROTU) or PALAPES at the Regimental Dinner Ceremony in conjunction with the 40th Royal Commissioning of UPM PALAPES cadet officers.

UPM Vice-Chancellor, YH. Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman, hoped the junior officers who have been commissioned to make full use of all the experience and knowledge gained during the PALAPES training as the best-added value to be applied in any field they venture into.

"I urge all young officers to report for duty and continue to be active in the Territorial Army



Regiment or the Royal Malaysian Navy Volunteer Reserve (PSSTLDM), especially under the UPM PALAPES organisation," he said.

The Best Overall Cadet Officer for PALAPES Army was awarded to LTM Nazurah Afiqah Nadzli, while the PALAPES Navy was awarded to LTM Muhammad Zafril Hazali Hazlan.

Meanwhile, the dinner involved 172 guests and UPM PALAPES junior officers.

Also present were Brigadier General Fazal Abdul Rahman, Commander of the 11th Brigade, Captain Professor Town Planner (TPr), Dr. Jamalunlaili Abdullah, PSSTLDM, Commanding Officer KD Sri Klang, UPM Deputy Vice-Chancellor and UPM PALAPES Deputy Commandant, Lieutenant Colonel Muhammad Fadzil Rebin@Rebin. – UPM



## NOTA KETUA EDITOR

Ketika Tribun Putra Edisi 109 ini diterbitkan, Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima 3553 orang pelajar Bacelor baharu bagi sesi akademik 2022/2023. Sudah tentu ini adalah pengalaman berharga buat mereka kerana berpeluang belajar di sebuah Menara Ilmu yang disegani ini. Lebih-lebih lagi, pembelajaran bersemuka dapat diadakan selepas beberapa semester tidak dapat diadakan sepenuhnya. Kampus kembali ceria dengan kehadiran pelajar berjalan beramai-ramai menuju dewan kuliah dan ke kolej kediaman.

UPM akan meneruskan transformasi akademik yang memberi fokus kepada program akademik yang berkualiti,

bereputasi antarabangsa dan beranspirasikan nasional. Ini juga mengambil kira ekosistem pengajaran dan pembelajaran yang banyak melibatkan penggunaan teknologi mutakhir ini.

Tribun Putra kali ini merakamkan banyak kejayaan manis buat UPM. Buat pertama kali, UPM menjadi juara keseluruhan Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia atau SUKUM manakala menjuarai kali ketiga Sukan Institusi Pengajian Tinggi Awam (SUKIPT). UPM juga menjadi universiti awam pertama menganjurkan Ekspo Buku Malaysia dan Pesta Buku Antarabangsa.

Inisiatif ini sangat penting dalam



memartabatkan industri buku khususnya buku ilmiah di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

2022 merakamkan sejarah apabila Istiadat Konvokesyen UPM Kampus Bintulu akan diadakan buat julung kalinya pada 1 November 2022. Istiadat ini disempurnakan oleh Tuanku Canselor, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah. Banyak persiapan telah dilakukan dan semoga perjalanan istiadat konvokesyen ini dapat dilaksanakan seperti yang dihasratkan.

Sekian dan selamat membaca kepada seluruh warga UPM. Sederap Melangkah Menuju Al-Falah.

## Fakulti Pertanian UPM jalin kerjasama Pejabat Daerah Muar tingkat hasil pengeluaran padi

Oleh: Prof. Dr. Anjas Asmara Samsudin

**MUAR, 9 Ogos** – Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar berkenan berangkat ke Program Bersama Rakyat di Sungai Balang, Muar dan turut dipersembahkan taklimat mengenai penanaman padi menggunakan teknologi baharu.

Penyelidik dari Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah dijemput memberi penerangan mengenai kepentingan pemuliharaan sawah padi dan rawatan tanah berbasid di sawah Sungai Balang, Muar.

Delegasi UPM diketuai oleh Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsuddin dan turut disertai oleh Prof. Dato' Abdul Shukor Juraimi, Prof. Dr. Anjas Asmara Samsudin bersama empat orang

pensyarah dari Fakulti Pertanian, UPM (Dr. Mohd Firdaus Mohd Anuar, Dr. Roslan Ismail, Dr. Syaharudin Zaibon dan Dr. Elisa Azura Azman).

Fakulti Pertanian, UPM, secara aktif telah bekerjasama dengan Pejabat Daerah Muar dalam usaha membantu meningkatkan hasil pengeluaran padi dan seterusnya sosio-ekonomi komuniti pesawah di sini.

Selain itu juga, kawasan ini turut dijadikan kajian kes bagi pelaporan Kajian Guna Tanah Sumber Makanan Negara di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLAN Malaysia) dalam menilai kepentingan pengkalan tanah pertanian bagi tujuan sekuriti makanan negara. – UPM



## UPM, SPR jalin kerjasama perkasakan pendidikan pengundi (UNDI18)



Oleh: Noor Eszereen Juferi  
Foto oleh: Mohammad Izrul Abdul Jabar

**PUTRAJAYA, 16 Ogos** – Universiti Putra Malaysia (UPM) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) dalam program memperkasakan pendidikan pengundi (UNDI18).

Majlis MoU dan Nota Kerjasama Antara Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti itu dihadiri dan disaksikan oleh Menteri Pengajian Tinggi (KPT), Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad; Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Tan Sri Abdul Ghani Saleh; Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Dato' Prof. Dr. Husaini Omar; Ketua Pengarah Jabatan dan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Zainab Ahmad.

Naib Canselor UPM, YH. Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata melalui MoU itu akan memperkasakan program pendidikan

dan program bersama pelajar UPM untuk persediaan bagi menjalankan tanggungjawab sebagai pengundi.

Yang Dipertua (YDP) Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2021/2022, Mohammad Haziq Zikri Zainuri berkata, inisiatif KPT mengadakan kerjasama bersama Universiti Awam (UA) dilihat kesungguhan YBM KPT dalam memperkasakan lagi program untuk meningkatkan kesedaran mengundi terutama untuk belia.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPT, Dato' Hj. Megat Sany Megat Ahmad Supian; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), KPT, Datuk Dr. Mohd Zabri Yusoff; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UPM, Prof. Dr. Arifin Abdu dan Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), UPM, Nuruliman Ibrahim. – UPM

## Premier Sarawak rasmi COSAFS 2022

Oleh: Noor Eszereen Juferi  
Foto Oleh: Mohammad Izrul Abdul Jabar



**SARAWAK, 21 September** – Premier Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg telah merasmikan *Congress on Sustainable Agriculture and Food Security (COSAFS2022)* yang dianjurkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Kementerian Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED).

Beliau berkata, penganjuran COSAFS2022 adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri Sarawak untuk memperkukuhkan pertanian mampan dan sekuriti makanan.

"Pertanian adalah ejen pertumbuhan ekonomi dengan kepesatan pengeluaran produk dan kita perlu mengenal pasti akses pasaran untuk meningkatkan produktiviti serta kualiti makanan," katanya.

Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari turut menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman

(MoU) di antara UPM dan Swinburne University of Technology Sarawak Campus serta simbolik penyerahan dana projek AgriHub@Gedong. Kerajaan Negeri Sarawak bersetuju meluluskan projek transformasi padi, AgriHub@Gedong berjumlah RM3 juta.

Naib Canselor UPM, YH. Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata COSAFS2022 memberi peluang kepada pembentang dan pihak berkepentingan untuk bertukar pengetahuan baharu melalui penyelidikan dan inovasi.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Yang Amat Mulia Tengku Syarif Laksamana Perlis Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Ibni Syed Putra Jamalullail; Menteri Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah Sarawak, YB Dato' Sri Stephen Rundi Utom; Setiausaha MANRED, YB Datu Edwin Abit dan Pro Vice-Chancellor & CEO of Swinburne University of Technology Sarawak Campus, Ir. Prof. Lau Hieng Ho. – UPM



# UPM, YPBN anjur Ekspo Buku Malaysia 2022

Oleh: Noor Eszereen Juferi  
Foto Oleh: Sabri Omar

SERDANG, 22 Ogos – Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) menganjurkan Ekspo Buku Malaysia 2022 dan Persidangan Buku Antarabangsa 2022.

Naib Canselor UPM, YH. Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata UPM komited menjadi tuan rumah bagi ekspo ini bagi menyahut peranan para akademik universiti sebagai pelopor kelestarian akademik bagi meneruskan pembudayaan ilmu.

"UPM mempunyai peranan dalam memartabatkan ilmu pemikiran melalui kajian ilmiah dalam pelbagai bidang untuk dikongsikan dengan masyarakat serta meningkatkan kualiti hidup.

"Penghasilan penerbitan ilmiah antaranya dalam bentuk jurnal, buku dan sebagainya haruslah mencapai tahap kualiti yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa," katanya.

Dalam ekspo ini, Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menerima Anugerah Perdana: Tokoh Penulis Diraja daripada Majlis Anugerah Buku Negara yang dipersembahkan oleh Pro Canselor UPM, Prof. Emeritus Dato' Dr. Ir. Muhamad Zohadie Bardaie.

Penerbitan buku berjudul "Striving of Inclusive the Development From Pangkor Modern Malaysia State" yang ditulis oleh Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah. – UPM



“ Penghasilan penerbitan ilmiah antaranya dalam bentuk jurnal, buku dan sebagainya haruslah mencapai tahap kualiti yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, ”

## Ambang Merdeka UPM 2022 disambut meriah

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari  
Foto oleh: Mohammad Izrul Abdul Jabar



SERDANG, 30 Ogos – Selepas dua tahun tidak dapat meraikan kemerdekaan secara beramai-ramai, dataran Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) kembali menggemakan laungan keramat Merdeka dengan penuh semangat patriotik bersama komuniti setempat dan warga kampus UPM.

Laungan 'Merdeka! Merdeka! Merdeka!' sebanyak tujuh kali oleh Naib Canselor UPM, YH. Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman tepat pukul 12 tengah malam tadi disambut dengan penuh semangat oleh pengunjung setempat dan warga UPM yang memenuhi dataran PKKSSAAS UPM.

Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata tanggal 31 Ogos adalah tarikh

bersejarah yang perlu dihayati sepenuhnya oleh warga kampus dan pelajar bagi memupuk jati diri dalam menyemarakkan semangat kemerdekaan.

"Terima kasih kepada warga UPM dan semua pihak termasuk komuniti Serdang yang dapat menghadiri diri ke sambutan Ambang Kemerdekaan ke-65 peringkat UPM.

Sesungguhnya ini adalah cerminan semangat dan kecintaan kita kepada negara yang berdaulat dan merdeka," katanya. Sambutan Ambang Merdeka itu juga diisi dengan pelbagai aktiviti menarik seperti pertunjukan bunga api, bual bicara patriotisme dan perpaduan serta bacaan ikrar Rukun Negara. –UPM



## UPMKB laksana Putra Smart Classroom, lancar inisiatif Putra Premium

Oleh: Noor Eszereen Juferi

BINTULU, 8 Ogos – Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) melaksanakan Putra Smart Classroom serta melancarkan inisiatif Putra Premium dalam menyediakan kemudahan terbaik kepada pelajar.

Naib Canselor UPM, YH. Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata pelaksanaan itu bagi menyokong pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL) dan memudahkan pelajar UPM mengakses internet di kampus.

Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata demikian dihadapan pelajar Diploma baharu Sesi Akademik 2022/2023 di UPMKB sempena Majlis Ikrar dan Aku Janji dan Amanat Naib Canselor yang diadakan secara fizikal.

Tambah beliau, kawasan UPMKB yang akan dinaiktaraf dengan kemudahan Putra Premium, iaitu di Kafeteria Kolej Sri Rajang, Ruang Bacaan Perpustakaan dan Ruang Legar Kompleks Akademik.

Pada tahun lalu, UPMKB telah mencapai pembentukan struktur organisasi lengkap dengan penubuhan dua fakulti, iaitu Fakulti Sains Pertanian & Perhutanan dan Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains serta penubuhan Institut Ekosains Borneo. – UPM

## UPM, RHB Banking Group tanam pokok buah tempatan

Oleh: Nur Syamila Kamarul Arefin  
Foto Oleh: Sabri Omar

PUCHONG, 20 Ogos – Kempen Penghijauan Malaysia 2022 Nephelium Tree Replanting ialah inisiatif Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Group Compliance RHB Banking Group untuk menanam pokok buah-buahan tempatan pada program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Program CSR antara UPM dan Group Compliance RHB Banking Group adalah sebuah

program yang sangat memberi makna kepada masa depan agar buah tempatan spesies Nephelium Lappaceum (rambutan) dan Nephelium Mutabile (pulasan) dapat dimanfaatkan, dikekalkan dan terus dikenali masyarakat.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri Masyarakat), Prof. Dr. Ir. B. T. Hang Tuah Baharudin, penanaman buah rambutan

dan pulasan adalah satu inisiatif yang cukup bagus untuk belajar menanam buah-buahan tempatan yang ada di negara kita ini.

"Hari ini Pusat Pertanian Putra UPM, memberi ilmu kepada staf RHB Bank bagaimana menanam pokok rambutan dan pulasan dengan teknik yang betul agar hasilnya dapat dimanfaatkan pada masa depan," katanya. –UPM





# Melestari kecemerlangan UPM melalui agenda pemerkasaan program akademik dan pengantarabangsaan

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Universiti Putra Malaysia (UPM) secara umumnya berperanan menyokong Naib Canselor dalam menggerakkan kepimpinan universiti ke arah mencapai matlamat strategik universiti yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran serta pengantarabangsaan.

Wartawan Tribun Putra, Nurul Ezzaty Mohd Azhari telah menemubual Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UPM, Prof. Dr. Ismi Arif Ismail mengenai hala tuju dan matlamat beliau seperti berikut:



## 1. Apakah yang menjadi visi Prof dalam mengemudi pentadbiran portfolio akademik dan antarabangsa di UPM?

Saya telah meletakkan beberapa hala tuju petunjuk prestasi utama (KPI) untuk saya gunakan sebagai panduan bagi menilai sejauh mana saya berjaya membawa transformasi kepada ekosistem akademik dan antarabangsa. Oleh itu, saya bahagikan wawasan saya kepada beberapa komponen akademik dan antarabangsa.

Bagi komponen akademik, saya mengharapkan UPM dapat menyediakan program akademik yang berkualiti, bereputasi antarabangsa dan beraspirasi nasional. Selain itu, saya juga mahu meligatkan ekosistem pengajaran dan pembelajaran berbantuan teknologi seiring dengan inisiatif UPM sebagai kampus pintar.

Sementara itu, bagi komponen antarabangsa, perancangan saya adalah untuk memperbanyak dan memperkukuh program akademik bersama institusi antarabangsa. Sehingga kini saya mempunyai beberapa entiti yang bekerjasama dalam hal ini iaitu Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik termasuklah pra siswazah dan pasca siswazah, Pusat Pembangunan Akademik (CADE), dan Pusat Antarabangsa Putra (i-PUTRA).

## 2. Apakah cabaran yang perlu dihadapi bagi memastikan program akademik pra siswazah dan pasca siswazah UPM sentiasa relevan dengan keperluan komuniti dan industri?

Cabaran yang dihadapi adalah bagi memastikan hubungan antara ahli akademia, industri dan komuniti dalam jawatankuasa yang membuat program kurikulum tidak terhenti di peringkat mesyuarat jawatankuasa tetapi akan diteruskan dalam penyampaian kurikulum dan penilaian kurikulum agar ianya lebih relevan dan terkini.

Hal ini demikian kerana, apabila kita mempunyai penilaian projek atau peperiksaan, kita mahu melibatkan semua pihak berkepentingan agar perkara yang kita laksanakan mencapai kualiti dan memenuhi kehendak masyarakat bahkan industri.

## 3. Apakah yang boleh dilakukan dalam mencapai Pelan Strategik UPM 2021-2025, Matlamat 1 Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaran Mendatang dapat dicapai?

Dalam keghairahan untuk menjadi sebuah universiti mempunyai taraf piawai antarabangsa, kita juga perlu mengambil kira keperluan serta tuntutan aspirasi nasional seperti budaya, agama dan nilai-nilai murni untuk kita pertahankan dalam perancangan dan juga penyampaian kurikulum.

Bermula dengan program akademik, saya cuba untuk mendapatkan akreditasi badan profesional sama ada di dalam mahupun luar negara kerana saya percaya akreditasi ini salah satu cara menunjukkan program UPM memenuhi kehendak pasaran agar pelajar kita sentiasa mendapat ilmu yang relevan dengan perkembangan semasa.

Program akademik kita juga perlu dikendalikan oleh bukan sahaja ahli akademik tetapi juga dibantu oleh rakan atau tokoh daripada pihak industri dan juga tokoh komuniti supaya perbincangan menjadi lebih inklusif dan menyeluruh selain graduan UPM bersedia dan diberi pendedahan dengan cabaran diluar kelak. Kita juga hendak membawa program kita di peringkat antarabangsa termasuklah penyelidikan, wacana dan sebagainya.

## 4. Pada pandangan Prof, bagaimana pembelajaran hibrid dan inisiatif Putra@Smart Classroom membantu dalam perkembangan pengajaran dan pembelajaran di UPM?

Satu lagi inisiatif yang saya perkenalkan untuk menyokong Naratif Naib Canselor dalam usaha melagang kampus pintar adalah kewujudan bilik kuliah hibrid di setiap fakulti. Kelas hibrid ini akan memberi pelajar dan pensyarah menimba ilmu secara fizikal dan secara maya. Di samping itu, perkara ini memberi banyak ruang kepada UPM untuk mendapatkan lebih ramai pelajar di dalam dan luar negara untuk bersama-sama dalam program akademik.

## 5. Bolehkah Prof kongsi laluan kerjaya yang ditawarkan kepada ahli akademik di UPM?

Kita perlu akui ahli akademia mempunyai bakat yang pelbagai dan kekuatan yang tersendiri. Bagaimanapun, setiap ahli akademik harus melaksanakan tanggungjawab dari segi penyelidikan, pembangunan pelajar, jaringan industri dan masyarakat serta kepimpinan. Sehubungan itu, universiti akan dibarisi oleh tokoh-tokoh akademik yang seimbang daripada segi aktiviti jaringan, penyelidikan, pengajaran dan memimpin institusi.



Kita akan memperkasakan pelaksanaan kenaikan pangkat pegawai akademik berteraskan empat laluan kerjaya bagi meraikan kepelbagaian dan kewibawaan bakat yang ada dalam UPM untuk manfaat universiti secara inklusif dan strategik.

Bagaimanapun ahli akademik bukan hanya memilih satu laluan namun kecenderungannya itu diberi keutamaan dan dinilai sejauh mana mereka benar sebagai seorang tokoh penyelidikan, pengajar, pemimpin serta pengembangan industri dan mereka akan dinaikkan secara berperingkat daripada pensyarah ke pensyarah kanan kemudian profesor madya dan akhirnya ke profesor.

## 6. Berkenaan laluan kerjaya pensyarah, adakah UPM akan menambah baik atau terdapat penambahan laluan tertentu kepada pensyarah di UPM?

Kita mahu menghargai kepelbagaian bakat yang ada pada pensyarah dan kriteria perlu dilihat dari semasa ke semasa supaya sesuai dan relevan dengan perkembangan terkini dalam bahagian masing-masing. Mungkin sebelum ini bilangan jurnal artikel sahaja dilihat untuk kenaikan pangkat tetapi kini keupayaan menghasilkan inovasi dalam pembelajaran juga boleh dipertimbangkan dalam kriteria kenaikan pangkat.

Oleh itu, kita perlu melihat kriteria penambahbaikan laluan kerjaya selari dengan kreativiti pensyarah. Sehubungan itu, kita akan sentiasa menyemak kriteria kenaikan pangkat dan laluan empat kerjaya ini supaya relevan dan terkini.

## 7. Melihat kualiti pensyarah muda semasa, adakah UPM akan menambah baik penetapan kriteria pelantikan pensyarah di UPM?

Dalam memilih pensyarah muda kita masih mempunyai kriteria yang menuntut supaya seseorang pensyarah itu berkeupayaan untuk melaksanakan empat peranan iaitu mengajar serta menyelia, membangunkan pelajar membuat penyelidikan dan penerbitan, membuat jaringan industri dan masyarakat dan memimpin dan mentadbir institusi.

Selain mengasah bakat mereka dalam empat peranan itu, UPM akan sentiasa membuat penambahbaikan dalam lantikan pensyarah agar pensyarah UPM berkeupayaan serta mampu menyerlahkan potensi mereka.

Apabila sesuatu bidang itu semakin berkembang dan berubah jadi kita juga akan bergerak sama dan tidak akan guna kriteria lama.

## 8. Sejalan dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyasarkan seramai 250 ribu pelajar antarabangsa menjelang tahun 2025 di IPT, apakah inisiatif UPM bagi menarik pelajar antarabangsa ke UPM?

Sebelum ini, kita tiada jawatankuasa pengantarabangsaan di UPM yang membincangkan secara berkala dan berfokus elemen antarabangsa. Jadi apabila saya dilantik menjadi TNCAA saya mula membentuk jawatankuasa ini yang melibatkan semua pegawai kanan universiti bagi membincangkan hal universiti secara serius tentang agenda pengantarabangsaan dan berkolaborasi dengan institusi antarabangsa termasuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk memilih UPM sebagai destinasi pendidikan mereka.

Apabila kita membuat kelas secara hibrid kita boleh ada pelajar antarabangsa dan tempatan yang belajar pada waktu yang sama. Selain program mobiliti, kita juga akan sentiasa memperkasakan i-PUTRA daripada segi sokongan pelajar antarabangsa, VISA, peraturan yang dikenakan kepada agensi luar dan sebagainya agar pelajar antarabangsa kita tidak terjejas pembelajarannya di UPM. Kita cuba untuk mengurangkan birokrasi dan memudahkan pelajar antarabangsa agar urusan mereka lebih mudah dan efisien.

“Untuk berilmu dan berbakti kepada UPM kita memerlukan pasukan yang kuat, serta sentiasa bekerjasama merentas entiti supaya masing-masing dapat melengkap keperluan bersama dan saling hormat-menghormati.”

## 9. Akhir sekali, apakah nasihat dan harapan Prof kepada pelajar dan ahli akademik dalam memastikan UPM terus cemerlang sebagai institusi pendidikan dalam memberi sumbangan pada kemajuan negara.

Untuk berilmu dan berbakti kepada UPM kita memerlukan pasukan yang kuat, serta sentiasa bekerjasama merentas entiti supaya masing-masing dapat melengkap keperluan bersama dan saling hormat-menghormati. Sekiranya ada masalah atau isu yang timbul seharusnya kita bermusyawarah serta berbincang secara berhikmah dan mencari solusi agar kita bersama sederap melangkah menuju Al-Falah supaya usaha memacu kejayaan UPM dapat direalisasikan.



# Kelayakan akademik formal atau tidak formal bantu tingkat pendapatan rakyat Malaysia

Oleh: Nur Syamila Kamarul Arefin

Lebih 72 peratus rakyat Malaysia memilih untuk tidak melanjutkan pelajaran selepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) malah mereka mencari pekerjaan sebaik sahaja tamat peperiksaan, berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 2019.

Sementara itu, hanya 170,000 calon yang menyatakan minat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Ini kerana rata-rata daripada mereka mempercayai bahawa pendidikan tinggi tidak menjamin prospek pekerjaan yang lebih baik.

Ini kerana ramai golongan muda sudah selesa bekerja selepas tamat peperiksaan SPM dan berjaya memperoleh pendapatan sendiri dengan kerja sampingan yang dilakukan. Oleh itu, mereka dengan sendirinya membuat keputusan untuk tidak sambung belajar kerana ingin mencari wang faktor ekonomi sekarang yang mendesak mereka, menurut Profesor Madya Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Ts. Dr. Anuar Shah Bali Mahomed.

## Sambung belajar sambil bekerja untuk kenaikan gaji

"Namun dengan kelayakan SPM ini bukanlah sebuah jaminan jangka masa panjang untuk menaikkan kadar kenaikan gaji setiap tahun. Kelayakan akademik sangatlah penting bagi menilai prestasi kita di sektor kerajaan dan swasta pada masa kini untuk kenaikan tangga gaji.

"Oleh yang demikian, saya menyarankan agar golongan muda zaman sekarang yang bekerja, berniaga, atau sebagai mempengaruhi untuk sambung belajar secara formal atau tidak formal separuh masa. Dengan itu, anda masih boleh mencari wang di samping menambah ilmu dalam bidang kerjaya yang diceburi.

"Pendidikan tidak terhad kepada formal sahaja. Pendidikan tidak formal merujuk kepada program peningkatan bakat yang dilaksanakan oleh industri bagi memenuhi keperluan mereka. Pendidikan tidak formal perlu diarusperdanakan bagi memastikan pencapaian pendidikan rakyat Malaysia dapat dipertingkatkan," katanya.

Tambahnya, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) memainkan peranan yang sangat penting untuk menguatkannya kepada semua orang untuk menyambung pendidikan secara formal atau tidak formal separuh masa.

## Trend ekonomi gig punca ramai tidak sambung belajar

Antara punca pelajar tidak mahu sambung belajar kerana peningkatan jumlah peluang pekerjaan dalam ekonomi gig yang menjadi trend terkini dengan beberapa faktor yang menyumbang kepada peningkatannya, kata pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP) UPM, Profesor Dr. Siti Aishah Hassan.

"Secara ringkas, dapat difahami bahawa ekonomi gig menawarkan ciri-ciri pekerjaan yang diminati pekerja sekarang yang lebih fleksibel, tidak terikat dan dalam jangka masa pendek. Manakala, majikan pula tidak terikat kepada seseorang pekerja dan boleh memilih yang terbaik untuk sesuatu projek di luar sana.

"Pekerjaan jangka pendek mungkin menawarkan jumlah gaji yang lebih lumayan berbanding dengan pekerjaan tetap yang mengongkang. Bagi mengatasi masalah ini, seharusnya kita memahami ciri-ciri institusi pengajian tinggi bagaimana mempengaruhi pelajar untuk sambung belajar.

"Terdapat beberapa faktor mengapa lepas SPM tidak mahu sambung belajar, peluang pekerjaan, biasiswa dan bantuan kewangan, gaya kehidupan setempat, keperluan kemasukan, dan penginapan.



Oleh itu, bagi menarik minat pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi, sesebuah institusi pendidikan perlu melatih pelajar dengan melibatkan diri dalam pekerjaan jangka pendek, pekerjaan yang boleh dibuat di mana-mana sahaja yang mungkin menawarkan jumlah gaji yang lebih lumayan berbanding dengan pekerjaan tetap yang mengongkang. Katanya, peningkatan jumlah peluang pekerjaan dengan ekonomi gig adalah trend terkini puncamereka tidak mahu sambung belajar. Ekonomi gig menawarkan ciri-ciri pekerjaan yang diminati pekerja sekarang yang tidak terikat dalam jangka masa pendek.

## Role model pengaruh remaja

Namun, remaja amat memerlukan bimbingan daripada golongan dewasa meskipun ekonomi adalah halangan utama bagi kelangsungan hidup menurut Timbalan Dekan Fakulti Ekologi Manusia, UPM, Prof. Madya Dr. Hanina Halimatusaadiah Hamsan.

"Jadi, remaja ini perlukan pendedahan untuk membentuk matlamat hidup yang lebih jelas bagi mencapai sesuatu dalam kehidupan mereka agar dapat mengubahnya dan memenuhi segala keperluan asas seperti tempat tinggal, makanan dan minuman.

"Remaja masa kini senang dipengaruhi dengan kehidupan yang materialistik atau ingin menjadi kaya dengan cepat. Suri teladan atau ikon yang mempengaruhi mereka tidak menambah minat dalam pendidikan untuk mengubah masa depan mereka.

Tambahnya, suri teladan yang boleh menjadi contoh kepada remaja ini adalah seseorang pernah hidup susah, akhirnya berjaya meneruskan pendidikan, mempunyai kewangan yang stabil, mempunyai sahsiah yang berkualiti dan memberi impak positif kepada masyarakat.

Sementara itu, golongan ilmuwan yang baik akhlakannya hendaklah dijadikan suri teladan supaya menjadi ikutan generasi kini.

"Selain dari sudut kewangan dan kebendaan, kelebihan dan kemuliaan orang yang berilmu berbanding yang tidak berilmu perlulah terus dicanang. Keikhlasan menuntut ilmu adalah untuk mencari kerediaan dan mengenal pencipta juga harus difahamkan. Ilmu bukan semata-mata untuk tujuan komoditi, yang lebih utama ilmu adalah cahaya penyuluh jalan yang lurus," katanya. - UPM

"Saya menyarankan agar golongan muda zaman sekarang yang bekerja, berniaga, atau sebagai mempengaruhi untuk sambung belajar secara formal atau tidak formal separuh masa. Dengan itu, anda masih boleh mencari wang di samping menambah ilmu dalam bidang kerjaya yang diceburi."



Prof. Madya Ts. Dr. Anuar Shah Bali Mahomed Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, UPM

"Sesebuah institusi pendidikan perlu melatih pelajar dengan melibatkan diri dalam pekerjaan jangka pendek, pekerjaan yang boleh dibuat di mana-mana sahaja yang mungkin menawarkan jumlah gaji yang lebih lumayan berbanding dengan pekerjaan tetap yang mengongkang."



Profesor Dr. Siti Aishah Hassan Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM

"Suri teladan yang boleh menjadi contoh kepada remaja ini adalah seseorang pernah hidup susah, akhirnya berjaya meneruskan pendidikan, mempunyai kewangan yang stabil, mempunyai sahsiah yang berkualiti dan memberi impak positif kepada masyarakat."



Prof. Madya Dr. Hanina Halimatusaadiah Hamsan Fakulti Ekologi Manusia, UPM



# MEMBUDAYAKAN BOKOMPOS DALAM MASYARAKAT



Oleh: Ts. Dr. Muhammad Heikal Ismail  
Felo Bersekutu PSPK, UPM dan  
Pensyarah Kanan, Jabatan  
Kejuruteraan Kimia dan  
Alam Sekitar, Fakulti  
Kejuruteraan

Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) melaporkan bahawa setiap hari rakyat Malaysia menghasilkan sebanyak 38,000 tan sisa pepejal dan daripada jumlah itu, kira-kira 44.5% iaitu 17,000 tan adalah sisa makanan. 4,046 tan atau 24% daripada komposisi sisa makanan itu adalah sisa makanan yang boleh dielakkan jika dilaksanakan mengikut strategi pengurusan berpatutan. Sisa makanan yang boleh dielakkan ini diunjurkan dapat diberikan kepada tiga juta orang sehari untuk tiga kali makan.

Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat telah memperincikan hierarki pemulihan sisa makanan

kepada enam aras piramid. Bermula dengan turutan keutamaan daripada pengurangan sumber, bank makanan, makanan haiwan, kegunaan industri, pengkomposan, dan tapak pelupusan. Pelbagai kempen kesedaran telah dilakukan seperti mySAVEfood, #asingkan dan #JomTapau agar pengurangan sumber sisa makanan dapat dilihat.

Meskipun makanan yang diselamatkan dari pasaraya menerusi organisasi seperti *Lost Food Project* dan *Food Bank Malaysia* adalah menggalakkan, keperluan tersebut hanya bersasar kepada kumpulan kecil. Manakala inisiatif pemulihan sisa makanan untuk makanan haiwan adalah terhad kerana tertakluk kepada Akta Makanan Haiwan 2009. Sementara permintaan industri dalam penggunaan sisa makanan kepada tenaga menerima sambutan kurang menggalakkan ekoran insentif yang tidak kondusif.

Justeru, trend pembuangan sisa makanan didapati sentiasa meningkat. Ini kerana keberkesanan aras piramid di bahagian atas didorong kuat oleh faktor luaran. Sementara pengkomposan sisa makanan adalah bersandarkan prinsip kelestarian alam yang terdiri daripada beberapa kaedah

“ Trend pembuangan sisa makanan didapati sentiasa meningkat. Ini kerana keberkesanan aras piramid di bahagian atas didorong kuat oleh faktor luaran. Sementara pengkomposan sisa makanan adalah bersandarkan prinsip kelestarian alam yang terdiri daripada beberapa kaedah tertentu tanpa kekangan faktor birokrasi. ”

tertentu tanpa kekangan faktor birokrasi. Antara yang sering diamalkan ialah pengkomposan vermi, pengkomposan *windrow*, dan tong kompos.

Oleh itu, satu anjakan paradigma untuk membudayakan biokompos dalam masyarakat harus diterajui segera. Pertama sekali, pemahaman masyarakat terhadap kesan buruk hasil penjanaan sisa makanan melalui pembebasan gas karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) dan penggunaan sumber air dengan satu tan sisa makanan menghasilkan 2.5 tan CO<sub>2</sub> harus diperkasa. Jika setiap individu dapat menukar satu kilogram (kg) sisa makanan kepada kompos, sebanyak 2.5 kg CO<sub>2</sub> kurang dibebaskan dalam membantu pengurangan jejak karbon negara.

Sementara bagi sudut ekonomi, penghasilan satu kg sisa makanan kepada kompos dapat menjana sekurang-kurangnya RM5-RM20

untuk kelangsungan masyarakat. Malah, bio-kompos yang dihasilkan dapat menjamin keselamatan makanan dalam mencipta satu kitaran bio-ekonomi lebih mampan dengan hanya berbekalkan mikroorganisma tanah. Untuk memastikan keberhasilan tersebut, masyarakat harus dibimbing menerusi pemindahan ilmu berterusan sehingga projek mampu didayaupaya secara lestari.

Fakta dan statistik sedia ada dapat menjadi kerangka kepada polisi untuk menangani sisa makanan dengan lebih serius dan perlu melibatkan penyertaan kerajaan, badan bukan kerajaan, pihak swasta dan rakyat keseluruhannya. Semoga impian Malaysia dalam mencapai kadar kitar semula sebanyak 40% dapat dicapai pada 2025.

# CREATING PATHWAYS TO PROSPERITY AND SUSTAINABILITY IN MALAYSIA'S HIGHER EDUCATION ECOSYSTEM



By: Assoc. Prof. Dr. Nor Wahiza Abdul Wahat  
Head of Department  
Professional Development &  
Continuing Education's  
Department  
Faculty of Educational Studies,  
UPM

Quality education has been advocated by the United Nations as one of the 17 Sustainable Development Goals (SDGs). Since 2015, multiple efforts have been orchestrated to realize 'quality education for all', at both international and national levels. Everyone was excited for the significant impacts on various targeted groups by 2030.

Midway, everyone was directly or indirectly affected by the unexpected outbreak of COVID-19 Pandemic in 2020. At a glance, the pandemic appeared

to critically challenge the possibility of achieving the set goals by 2030. Nevertheless, observations led to a totally different story. It has actually catalysed global and national stakeholders to focus more on details in the changing higher education landscape.

The launched Higher Education Prosperity Blueprint (*Rangka Tindakan Kesejahteraan Pendidikan Tinggi*) or *SEJAHTERA IPT* in 2021 by the Ministry of Higher Education (MOHE) was among the pieces of evidence. The blueprint focuses on strengthening the higher education ecosystem, strengthening TVET, and empowering private education as an industry.

The seven initiated strategies of *SEJAHTERA IPT* to achieve the above three main goals are (1) to bolster the campus ecosystem's safety, (2) to enhance graduates' marketability, (3) to bolster the digitalization agenda, (4) to strengthen the network of strategic collaborations with industry and community, (5) to promote community well-being by leveraging HEI expertise to develop the local community through social innovation initiatives, (6) to highlight institutional excellence; and (7) to revitalise the spirit of *KPTPRIHATIN*.

Following the above, a team of research experts from Universiti Putra Malaysia, led by

“ This research project involved focus group discussions with top management team members (TMT) of public universities, private higher education institutions, community colleges and polytechnics, industry representatives, parents as well as local and international students. ”

Associate Professor Dr. Nor Wahiza Abdul Wahat, has been endowed with a six months research grant to propose and develop a mid-term Plan of Actions for the Higher Education Prosperity Blueprint or *SEJAHTERA IPT* (2023-2028).

The first phase of this research project involved focus group discussions with top management team members (TMT) of public universities, private higher education institutions, community colleges

and polytechnics, industry representatives, parents as well as local and international students.

The ongoing second phase of this research include 5,000 survey respondents. They are local as well as international students, academics and non-academics staff from North, South, East, West and Borneo zones. The outcome of this project will be able to suggest the issues, initiatives, indicators, and targeted groups.

Benchmarks on innovative, practical strategies adopted by higher education systems in Scandinavian countries, Australia, the United States of America, United Kingdom, neighbouring Asian countries of Singapore, Thailand, Taiwan, and almost unheard countries such as Republic of Slovenia, are also conducted in this study.

In conclusion, arising data and benchmark findings highlighted the significance of quadruple helix approach featuring university partnerships with industries and communities for efforts such as safe and green campus applications, special act for zero hunger campuses, work-study programs for needy students to enhance affordability, effective hybrid and blended learning experiences, as well as recruitment and retentions strategies due to shifting student demographics.



## Three UPM lecturers receive recognition as Malaysia's Top Research Scientists 2022

By: Nurul Ezzaty Mohd Azhari



“Hopefully, this recognition will motivate and inspire researchers and students to continue striving and be active in STIE research,”

**KUALA LUMPUR, September 20** – Three Universiti Putra Malaysia (UPM) lecturers have received awards and recognition as Top Research Scientists Malaysia (TRSM) 2022 by the Academy of Sciences Malaysia (ASM).

This recognition is given to Malaysian research scientists who have at least ten years of cumulative contributions in the science, technology, innovation and economy (STIE) sectors, aiming to identify and recognise outstanding local research scientists.

The TRSM 2022 from UPM consisted of Professor Ts Dr. Hidayah Arifin, Faculty of Biotechnology and Biomolecular Sciences (FBSB), Professor Dr. Alyani Ismail, Faculty of Engineering (FK) and Professor Dr. Lim Hong Ngee, Faculty of Science (FS).

Professor Ts. Dr. Hidayah Arifin, FBSB, UPM, said the recognition of TRSM 2022 was given to her in recognition of her expertise in the field of Bioprocess Engineering, which contributes to the excellence and development of research in biological, agricultural and environmental sciences.

"I feel grateful and happy for this recognition. Hopefully, this recognition will motivate and inspire researchers and students to continue striving and be active in STIE research," she said.

The ASM Fellow Award and TRSM Recognition Ceremony 2022 was completed by the Minister of Science, Technology and Innovation (MOSTI), Datuk Seri Dr. Adham Baba. – UPM

## UPM researchers produce ECOSARIA, a natural insecticide for oil palm agriculture

By: Nur Syamila Kamarul Arefin  
Photo By: Noor Azreen Awang



**SERDANG, September 30** – Universiti Putra Malaysia (UPM) researchers have produced a natural product of insecticide against bagworms that is harmless to the environment and organisms. The natural insecticide is environmentally friendly and suitable for use in agriculture, such as in oil palm plantations.

ECOSARIA is a natural insecticide formulated from entomopathogenic fungi (EPF) cultured as a powdered formula by a senior lecturer of the Faculty of Agriculture, Department of Plant Protection, Ts Dr Norhayu Asib.

"The main purpose of this study is to produce an environmentally friendly natural insecticide suitable for use in agriculture, such as oil palm plantations and to provide a natural, easily degradable, non-hazardous bagworm insecticide," she said.

According to Dr. Norhayu, to control bagworms at present, chemical insecticides from the organophosphate group, carbamates and pyrethroids are recommended to control bagworms in the infested oil palm areas.

"The chemical insecticides cause their use to be blocked and banned in several countries," she said.

The product of ECOSARIA was exhibited at the Festival of Ideas held at the foyer of the Ministry of Higher Education (MoHE). – UPM



## UPM showcases BioEsst serum to treat freckles at Festival of Ideas

By: Nur Syamila Kamarul Arefin  
Photo By: Noor Azreen Awang



**PUTRAJAYA, September 29** – Universiti Putra Malaysia (UPM) has showcased the BioEsst Nanoemulsion skin serum with OLeate developed using the nanoemulsion technology to overcome the problem of hyperpigmentation and freckles (dark spots) at the Festival of Ideas organised by the Ministry of Higher Education (MoHE) at the MoHE's foyer, from September 29 until 30th.

Lead Researchers from the Faculty of Science, ChM. Dr. Siti Efliza Binti Ashari and Prof. Dr. Rosfarizan Mohamad from the Faculty of Biotechnology and Biomolecular Sciences said OLeate is the main component in serum production as a lightening agent to be effective as an anti-tyrosinase, anti-microbial, anti-inflammatory and anti-oxidant.

They added that the BioEsst Nanoemulsion serum with OLeate is a different product for users compared to other beauty products in the market by focusing on the active ingredients, which are proven to be safe and do not cause inflammation on the face after use.

The involvement of UPM in the Festival of Ideas aims to celebrate the emergence of new ideas in line with the development of higher education in the era of the Industrial Revolution 4.0.

Among the new ideas successfully realised by UPM and exhibited at the Festival of Ideas included steroid-free products, cosmetic products, REMDII, Kantan Premium, and MILAGRO fertiliser. – UPM



# UPM juara keseluruhan SUKUM 2022

Oleh: Noor Eszereen Juferi

Foto: Mohammad Izrul Abdul Jabar



SERDANG, 24 September - Universiti Putra Malaysia (UPM) menjuarai Kejuaraan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) Kali ke-44 Tahun 2022.

Kejuaraan itu diraih selepas UPM berjaya memungut 18 emas, 18 perak dan 15 gangsa. Naib Canselor UPM, YH. Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata beliau berbangga dengan pencapaian staf atlet UPM yang berjaya melayakkan UPM menjadi juara keseluruhan SUKUM 2022.

"Ini kali pertamanya UPM berjaya menjadi juara dan saya berterima kasih kepada seluruh warga UPM terutamanya staf atlet UPM dan sukarelawan

yang membantu dalam menjayakan penganjuran SUKUM di sini," katanya.

Tambah beliau, penganjuran SUKUM adalah sebagai wadah untuk merapatkan hubungan dan kekeluargaan sesama institusi pengajian tinggi dalam negara melalui sukan serta mengangkat budaya sukan di institusi masing-masing.

"Saya percaya melalui acara sukan seperti SUKUM dapat meningkatkan lagi daya tahan mental dan fizikal sumber manusia selain berupaya meningkatkan indeks kesejahteraan dalam kalangan staf," katanya.

Sementara itu, tempat kedua disandang oleh Univerisiti Malaysia Perlis dengan 17 emas, 15 perak dan 16 gangsa.

SUKUM yang berlangsung selama lapan hari ini mempertandingkan sebanyak 18 acara sukan dan menawarkan sebanyak 136 pingat emas, 136 pingat perak dan 196 pingat gangsa. Selain itu, seramai 400 sukarelawan yang turut terlibat pada SUKUM 2022. - UPM

## Pelajar UPM juara dunia kejuaraan Pencak Silat dunia 2022

Oleh: Noor Eszereen Juferi



MELAKA, 31 Julai - Pelajar Bacelor Sastera Pengajian Bahasa Perancis dengan Kepujian, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Nor Farah Mazlan berjaya merangkul juara dunia dalam Kejuaraan Pencak Silat Dunia 2022 yang berlangsung di Melaka.

Nor Farah yang mengalahkan pesilat dari Singapura, Nadhrh Shahrin dengan skor 25-23 berkata, beliau bersyukur atas kemenangan itu dan pengorbanannya berbaloi serta beliau telah melakukan penyediaan rapi untuk merangkul pingat emas untuk kejohanan itu.

"Ibu bapa saya adalah dorongan utama saya untuk memenangi kejohanan ini serta pensyarah dan rakan-rakan

sekelas turut mendorong saya dalam pengajian kerana sebagai seorang pelajar atlet ianya sangat mencabar kerana saya perlu ke kelas dan menjalani latihan sebanyak tiga sesi pada setiap hari," katanya.

"Nasihat saya kepada pelajar atlet UPM kita perlu seimbangkan masa untuk waktu latihan dan belajar serta perlu fokus kepada kedua-dua bidang iaitu pelajaran dan sukan kerana ini adalah penting untuk masa depan," katanya. - UPM

**“Nasihat saya kepada pelajar atlet UPM kita perlu seimbangkan masa untuk waktu latihan dan belajar”**



## UPM rangkul juara keseluruhan kali ketiga SUKIPT 2022

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari dan Nur Syamila Kamarul Arefin

Foto: Mohammad Izrul Abdul Jabar

TANJUNG MALIM, 21 Ogos - Universiti Putra Malaysia (UPM) buat kali ketiga meraih takhta juara keseluruhan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2022 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS) yang bermula 12 hingga 21 Ogos 2022.

Kejayaan meraih 38 emas, 19 perak dan 20 gangsa membolehkan UPM menjadi juara bertahan keseluruhan SUKIPT mengulangi kejayaan yang sama pada 2012 dan 2018. Dalam pada itu, UPM turut melakar kemanisan apabila pasukan Ragbi lelaki meraih anugerah pasukan lelaki terbaik keseluruhan dan membawa pulang wang tunai RM7,000 dan piala pusingan.

Naib Canselor UPM, YH. Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman bersyukur apabila UPM dinobatkan sebagai johan keseluruhan SUKIPT 2022.

"Ini adalah kali ketiga UPM telah dinobatkan johan keseluruhan SUKIPT pada tahun 2012, 2018 dan 2022. "Saya sangat gembira dengan usaha atlet dan pegawai UPM yang berusaha untuk mendapat johan keseluruhan SUKIPT 2022. Pihak UPM juga akan terus berusaha memperkasakan sukan yang terlibat bagi mengekalkan kejayaan ini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Akademi Sukan UPM, Prof. Madya Dr. Tajularipin Sulaiman berkata pihaknya akan membuat program penghargaan kepada atlet-atlet yang menyertai SUKIPT UPM cemerlang di gelanggang olahraga apabila memenangi 19 pingat emas dan mengungguli kedua-dua kategori lelaki dan wanita bagi acara Ragbi 7s. - UPM

**Tribun PUTRA**  
Pertanian • Inovasi • Kehidupan

EDITORIAL TRIBUN PUTRA

Tribun Putra

Tribun Putra diterbitkan oleh Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK), Universiti Putra Malaysia. Tujuan penerbitan untuk menyampaikan maklumat melalui pelbagai berita, rencana, laporan semasa berkaitan pendidikan dan penyelidikan UPM. Surat dan kiriman artikel hendaklah di alamatkan kepada:

Editor Tribun Putra

Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat Universiti Putra Malaysia 43400 Serdang, Selangor.

**PENASIHAT** • Prof. Dato' Dr. Abdul Mue'ti@Zamri Ahmad **KETUA EDITOR** • Prof. Madya Dr. Mohd Izani Mohd Zain **EDITOR** • Dahlan Ismail Abu Bakar  
**WARTAWAN** • Hairul Nizam Md Nuri • Noor Eszereen Juferi • Nurul Ezzaty Mohd Azhari • Nur Syamila Kamarul Arefin **JURUFOTO** • Marina Ismail Noor Azreen Awang • Mohammad Izrul Abdul Jabar • Sabri Omar • Saleha Haron • Mozaid Idris **PENYELENGGARA ONLINE** • Rosliza Ibrahim • Hairul Nizam Md Nuri **PEMBANTU PENGEDARAN** • Suhaimi Yaakub

Keutamaan pemilihan berita dan foto dalam akhbar Tribun Putra ialah berita korporat yang memaparkan pencapaian utama UPM dan berita yang paling berimpak tinggi di peringkat negara dan antarabangsa. Berita yang tidak terpilih untuk disiarkan dalam akhbar Tribun Putra akan disiarkan dalam berita laman web rasmi UPM. Pemilihan berita dan foto ialah hak eksklusif Editorial Tribun Putra.utra.

Telefon : 03-9769 6021 • Faksimili : 03-97698972 • Emel : mohd\_izani@upm.edu.my | tp\_pspk@upm.edu.my

Diterbitkan oleh Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat, Tingkat 3, Bangunan Canselor Putra, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor  
Dicetak oleh ALAMEDIA SDN. BHD., NO. 14 Jalan Ip 1A/5, Taman Lestari Perdana, 43300 Seri Kembangan, Selangor